

U B076 AAB  
MAHATHIR - BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR KORPORAT TIDAK AKAN TERCAPAI MENJELANG 1990.

INI BERDASARKAN DARIPADA JUMLAH \$98 RIBU JUTA HAKMILIK MODAL SAHAM PADA NILAI PAR SYARIKAT-SYARIKAT BERHAD PADA PENGHUJUNG TAHUN LEPAS, PENGLIBATAN BUMIPUTERA HANYA \$19 RIBU JUTA ATAU 19.4 PERATUS BERBANDING DENGAN 56 PERATUS BAGI RAKYAT MALAYSIA YANG LAIN DAN 24.6 PERATUS BAGI PEMASTAUTIN ASING.

SEMASA MELANCARKAN SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DI SINI, BELIAU BERKATA, PERANGKAAAN-PERANGKAAAN ITU JELAS MENUNJUKKAN BUMIPUTERA LEBIH JAUH KETINGGALAN BERBANDING DENGAN PENCAPAIAN BUKAN BUMIPUTERA.

KATANYA, CABARAN DAN PERUBAHAN STRUKTUR DALAM TAHUN 90AN AKAN LEBIH KUAT DARIPADA YANG DIHADAPI SEBELUM INI DAN OLEH ITU MASYARAKAT BUMIPUTERA HARUS LEBIH AKTIF DALAM SEKTOR KORPORAT.

+AMALAN HANYA MENJADI BARISAN HADAPAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT TIDAK MEMBERI MAKNA SEBALIKNYA HENDAKLAH DIGANTIKAN DENGAN PENYERTAAN BERSUNGGUH-SUNGGUH MELALUI PENANAMAN MODAL SENDIRI DAN PENGURUSAN HARIAN,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI  
1454MST 11 11 89

U B078 AAB  
MAHATHIR - BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, DARIPADA SEGI JUMLAH PEGANGAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR KORPORAT, SUMBANGAN INDIVIDU TELAH MELEBIHI SUMBANGAN AGENSI AMANAH MILIK SEPENUH KERAJAAN, MULAI TAHUN 1985.

PEGANGAN INDIVIDU BUMIPUTERA DALAM SEKTOR ITU KINI MENINGKAT KEPADA 13 PERATUS BERBANDING AGENSI AMANAH HANYA 6.4 PERATUS.

KATANYA, SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PEGANGAN INDIVIDU BUMIPUTERA ITU ADALAH MELALUI TABUNG-TABUNG PELABURAN SEPERTI SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN), TABUNG HAJI DAN TABUNG ANGKATAN TENTERA MANAKALA PEGANGAN SYARIKAT SENDIRIAN DAN AWAM YANG MENDAPAT PELABURAN DARIPADA INDIVIDU BUMIPUTERA SECARA TERUS, MASIH AMAT KECIL.

BELIAU BERKATA, MASYARAKAT BUMIPUTERA MESTI BERANI MENERIMA PERSEKITARAN YANG LEBIH MENCABAR DAN MEMAHAMI RISIKO YANG PERLU DIHADAPI DALAM EKONOMI MODERN NEGARA SELEPAS 1990.

+DI SAMPING PENGLIBATAN SECARA LANGSUNG, PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR KORPORAT MELALUI SKIM TABUNGAN SAHAM AMANAH PERLU DITERUSKAN,+ KATANYA.-- LAGI  
1456MST 11 11 89

U B080 AAB  
MAHATHIR - BUMIPUTERA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN KEPADA HAKIKAT BAHAWA MASYARAKAT BUMIPUTERA MASIH MEMPUNYAI SUMBER EKONOMI TERHAD DAN BELUM BOLEH BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA GOLONGAN USAHAWAN BUMIPUTERA ATAU GOLONGAN KELAS PERTENGAHAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT PENYERTAAN MENYELURUH DALAM EKONOMI NEGARA.

+OLEH ITU PENGGEMBELENGAN SIMPANAN INDIVIDU BUMIPUTERA MELALUI TABUNG-TABUNG AMANAH PERLU DIPERTINGKATKAN DAN MELALUINYA KEKESANAN PENGURUS BUMIPUTERA YANG BILANGANNYA TERHAD DAPAT DIAGIHKAN KEPADA JUMLAH YANG LEBIH RAMAI,+ KATANYA.

BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PRESTASI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) MEMANDANGKAN SEJAK DITUBUHKAN PADA TAHUN 1978 HINGGA AKHIR TAHUN LEPAS, PNB MELALUI ASN BERJAYA MENGUMPULKAN MODAL BUMIPUTERA SEBANYAK \$6,000 JUTA.

+INI BERMAKNA SATU ANGKA YANG TERBESAR BERBANDING DENGAN JUMLAH PELABURAN BUMIPUTERA MELALUI SALURAN LAIN DAN LEBIH BERMAKNA LAGI KERANA SEBAHAGIAN YANG TIDAK KECIL JUMLAHNYA ADALAH MODAL DARIPADA KALANGAN BUMIPUTERA YANG BERPENDAPATAN RENDAH TERMASUK YANG TINGGAL DI LUAR BANDAR,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TAHUN-TAHUN 90AN MERUPAKAN ERA YANG LEBIH MENCABAR KEPADA MASYARAKAT BUMIPUTERA, BUKAN SAHAJA DARIPADA SEGI MEMPERTINGKATKAN SAIZ PENYERTAAN DALAM EKONOMI YANG SUDAH DICAPAI, TETAPI JUGA MEMASTIKAN SAIZ YANG SEDIA ADA DIKEKAL, DIUSAHA DAN DIKENDALIKAN DENGAN LEBIH MAJU.' -- LAGI

1458MST 11 11 89

U B082 AAB  
MAHATHIR - BUMIPUTERA 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA TIDAK MELIHAT STRATEGI PEMILIKAN EKUITI SEBAGAI SATU PENCAPAIAN SEMATA-MATA DARIPADA SEGI HAKMILIK TETAPI HARUS DILIHAT SEBAGAI SATU ASAS PERNIAGAAN YANG MEMBERI KEUNTUNGAN SAMA SEPERTI PEMBELIAN DAN PENJUALAN LAIN-LAIN BARANGAN.

KATANYA, PERNIAGAAN SAHAM MISALNYA, BUKANLAH SUATU URUSAN YANG MUDAH, OLEH ITU NASIHAT HENDAKLAH DIDAPATKAN SEBELUM SESUATU PENJUALAN ATAU PEMBELIAN DIBUAT DAN JIKA ADA KEKHUATIRAN TENTANG HASIL PERNIAGAAN, ADALAH LEBIH BAIK PEMILIKAN SAHAM DIKEKALKAN.

+PENJUALAN YANG TIDAK BIJAK AKAN MEMISAHKAN BUMIPUTERA DARIPADA BAHAGIAN KEKAYAAN EKONOMI YANG TELAH DIKUMPUL OLEH PNB BAGI PIHAK MEREKA,+ TEGAS BELIAU.

KELEMAHAN YANG AKAN MENGGAGALKAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BUMIPUTERA (DEB) DAN LAIN-LAIN DASAR IALAH SIKAP KEBANYAKAN MEREKA UNTUK MEREPUT PELUANG JANGKA PENDEK DAN KEENGGANAN MENGHADAPI RISIKO PERNIAGAAN, TEGASNYA.

+JIKA SAHAM-SAHAM SYARIKAT YANG DISUSUN SEMULA DIJUAL KEPADA INDIVIDU BUMIPUTERA, BESAR KEMUNGKINAN MEREKA AKAN MENJUALNYA DENGAN SERTA-MERTA BAGI MENDAPATKAN KEUNTUNGAN SEGERA.

+DENGAN ITU JUMLAH SAHAM MILIK BUMIPUTERA TIDAK AKAN MENINGKAT DAN MEREKA TIDAK AKAN MENIKMATI KENAIKAN NILAI SAHAM ATAU KEUNTUNGANNYA,+ KATANYA. -- LAGI

1505MST 11 11 89

U B083 AAB  
MAHATHIR - BUMIPUTERA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEWUJUDAN PNB DAPAT MENGAWAL KELEMAHAN BUMIPUTERA MEREPUT KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK TETAPI KAWALAN ITU TIDAK AKAN MENJADIKAN BUMIPUTERA LEBIH MAMPU MENYERTAI BIDANG PERNIAGAAN.

DISEBABKAN ITU BUMIPUTERA HARUSLAH MENYINGKIRKAN KECENDERUNGAN MENDAPATKAN KEUNTUNGAN CEPAT YANG BOLEH MENJADIKAN MEREKA TERUS LEMAH DAN MATLAMAT DEB SEBENAR TIDAK AKAN TERCAPAI SEPENUHNYA.

KATANYA, KECEKAPAN MENGURUS BOLEH DITINGKATKAN MELALUI LATIHAN DAN PENGALAMAN, MODAL BOLEH DIADAKAN DAN DIPINJAM JIKA PERLU, PELUANG, TEMPAT, LESEN DAN LAIN-LAIN BOLEH DIBANTU OLEH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEPERTIMANA SISTEM TANAH SIMPANAN MELAYU DAN NATIVE LAND TIDAK MENJAMIN KEDUDUKAN EKONOMI BUMIPUTERA, PERGANTUNGAN KEPADA KERAJAAN SEBAGAI PELINDUNG MEREKA SEPANJANG MASA TIDAK AKAN MENGUKUHKAN EKONOMI BUMIPUTERA DAN MENGIMBANGKAN PRESTASI MEREKA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA. -- BERNAMA

1506MST 11 11 89